

# IKATAN DAN KAWALAN IBU BAPA TERHADAP TINGKAH LAKU DELINKUENS

Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi  
Jabatan Kerja Sosial  
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia  
Universiti Utara Malaysia  
04-9283846  
[zakiah@uum.edu.my](mailto:zakiah@uum.edu.my)

## ABSTRAK

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Nilai dan norma dalam masyarakat biasanya dipupuk oleh ibu bapa semasa proses sosialisasi sejak anak-anak masih kecil. Ikatan kasih sayang, kemesraan dan perhatian serta kawalan daripada ibu bapa dapat mengelakkan anak-anak daripada melakukan perkara yang melanggar nilai dan norma masyarakat. Namun, pembabitan anak-anak dalam tingkah laku delinkuens sedikit sebanyak adalah juga berpunca daripada ikatan dan kawalan ibu bapa yang lemah. Kajian yang dijalankan ke atas 80 remaja berusia antara 13-18 tahun di Pusat Khidmat Kebajikan Juvana, Alor Setar, Kedah ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Selain itu, terdapat juga perkaitan di antara faktor demografi ibu bapa iaitu pendapatan, pendidikan dan status perkahwinan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens anak-anak ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, dikemukakan beberapa langkah ke arah melahirkan kualiti hubungan di antara ibu bapa dan anak-anak agar suasana kekeluargaan yang dibentuk dapat menghindar anak-anak daripada terlibat dalam tingkah laku delinkuens.

## Pengenalan

Anak-anak adalah harta yang tidak ternilai yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada setiap ibu bapa. Anak-anak akan menjalani proses sosialisasi paling awal melalui ibu bapa dan keluarga. Ibu bapalah yang mencorakkan setiap peri laku dan personaliti anak-anak. Segala amalan, nilai dan norma yang diamal dan dipegang oleh keluarga dan masyarakat atau komuniti yang didiaminya akan dicurahkan kepada anak-anak sebagai panduan di dalam kehidupan dan masa hadapan. Oleh itu, orang yang paling dekat dengan anak-anak ialah ibu bapa itu sendiri. Ikatan dan kawalan keibu bapaan dapat membentuk personaliti yang baik di kalangan anak-anak serta konsep sendiri yang jitu. Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah S.A.W. bahawa “setiap bayi yang dilahirkan adalah ‘fitrah’, maka kedua ibu bapanyalah yang berperanan menjadikan bayi tersebut membesar sama ada menjadi seorang ‘Yahudi’, ‘Nasrani’ atau ‘Majusi’.

Proses perbandaran dan perindustrian juga secara tidak langsung mengubah pemikiran dan tingkah laku masyarakat bandar. Ramai di kalangan ibu bapa yang bekerja dan kesuntukan masa, menyebabkan mereka kurang meluangkan masa dengan anak-anak. Jika diperhatikan suatu ketika dahulu anak-anak bukan sahaja diawasi oleh ibu bapa, bahkan juga oleh masyarakat khususnya di kalangan masyarakat tradisional. Sikap “menjaga tepi kain orang” sedikit sebanyak dapat menjaga keharmonian dalam masyarakat. Ini kerana jika ada di kalangan anak-anak yang melakukan kesalahan maka mereka boleh ditegur atau dinasihati oleh masyarakat atau komunitinya. Semangat kejiwaan juga sangat menebal di kalangan komuniti desa. Namun keadaan ini agak berbeza dengan situasi di bandar iaitu penduduknya lebih terkenal dengan sikap individualistiknya. Nilai murni dalam komuniti desa agak sukar dilihat dalam konteks komuniti di bandar. Oleh itu tidak hairanlah mengapa jika ada di kalangan anak-anak jiran yang terlibat dalam sebarang tingkah laku negatif, maka penduduk di bandar jarang mengambil sikap ingin campur tangan. Justeru, penubuhan sesuatu institusi dalam komuniti bandar dirasakan sekurang-kurangnya dapat memantau dan mengawal tingkah laku anak-

anak remaja. Penubuhan Pusat Khidmat Kebajikan Juvana di Alor Setar ini sekurang-kurangnya dapat mengawal dan memantau tingkah laku remaja yang terlibat dalam tingkah laku delinkuens. Namun, apa yang lebih penting ialah ikatan dan kawalan daripada ibu bapa sendiri terhadap tingkah laku anak-anak.

### **Permasalahan kajian**

Ikatan dan kawalan daripada ibu bapa sekurang-kurangnya dapat menghindar anak-anak daripada terjebak ke dalam pelbagai masalah sosial. Mac Iver (1967) menyatakan bahawa hubungan di antara ibu bapa dengan anak-anak sangat penting untuk menentukan perkembangan psikososial anak-anak yang sihat. Tingkah laku delinkuens akan lebih mudah terwujud jika remaja kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa. Ikatan emosi berdasarkan kasih sayang ibu bapa menjadi asas terbentuknya tingkah laku sosial yang boleh diterima walaupun terdapat tekanan daripada persekitaran.

Masalah sosial yang melanda remaja kini semakin hebat dan mencabar selaras dengan perubahan zaman dan era globalisasi serta modenisme. Banyak nilai dan norma yang sebelum ini menjadi garis panduan dalam kehidupan masyarakat tidak lagi diterima pakai. Generasi yang lebih tua juga tidak mampu untuk menasihati generasi muda, sebaliknya hanya mampu melihat, memerhati dan menunggu detik kesedihan dan tangisan pilu melihat bencana yang menimpa generasi muda. Setiap hari dipaparkan dalam media massa pelbagai insiden pergaduhan, pembunuhan, pencabulan, anak lari dari rumah, hilang pedoman dan sebagainya (Muhamadul Bakir Yaakub, 2004).

Delinkuensi juvana adalah salah satu masalah sosial yang mengancam negara dan hangat dipaparkan di media massa. Ini jelas digambarkan melalui statistik kemasukan juvana ke Pusat-pusat Pemulihan Akhlak di seluruh negara pada tahun 1999 iaitu sebanyak 5,700 kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Juvana (Massa, 2000) dan peningkatan kes juvana pada setiap tahun.

Rekod daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) menunjukkan terdapatnya suatu pola perkembangan dalam masalah delinkuens remaja. Antara tahun 1992-1995, bilangan remaja yang terlibat dengan kesalahan jenayah meningkat kepada 85% terutamanya bagi jenayah membabitkan harta benda. Selain itu, bilangan remaja yang memerlukan penjagaan dan perlindungan meningkat 100%, manakala remaja yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa meningkat kepada 340% (Sayed A.Rahman Sayed Mohd, 1996). Manakala rekod Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada tahun 1998 menunjukkan 33% daripada jenayah yang berlaku dalam enam bulan pertama pada tahun 1997 melibatkan pelajar sekolah berbanding 27% pada tahun 1996. Antara jenayah terbabit ialah mencuri motosikal, pecah rumah dan penyalahgunaan dadah (Khadijah Haidi Khalid, 1999).

Salah satu faktor penyebab tingkah laku delinkuens ialah ikatan dan kawalan ibu bapa yang lemah (Loeber & Stouthamer-Lober, 1986). Kajian oleh Loeber & Stouthamer-Lober (1986) menunjukkan bahawa pengabaian kasih sayang oleh ibu bapa terhadap anak-anak sehingga menjejaskan ikatan antara mereka adalah salah satu faktor utama menyebabkan tingkah laku delinkuens. Sementara kajian Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada tahun 1999 mendapati bahawa salah satu punca utama yang menyebabkan tingkah laku delinkuens di kalangan anak-anak ialah kurangnya perhatian oleh ibu bapa (New Straits Times, 1999).

Kajian yang dilakukan oleh Yayasan Strategik Sosial ke atas 75 juvana India berumur di antara 15-19 tahun mendapati bahawa faktor yang menjerumuskan seseorang kepada pelbagai masalah juvana ialah keluarga yang berpecah belah, konflik kekeluargaan, kawalan keluarga yang lemah, penderaan dan pengabaian, tekanan kumpulan sebaya dan pengaruh media massa (Victor Joseph Nathan, 2004). Kebanyakan mereka juga (40%) berasal dari kawasan perumahan kos rendah dan ibu bapa mereka mempunyai latar belakang akademik yang rendah (62.7%) (Victor Joseph Nathan, 2004)

Manakala Ibu Pejabat Polis Johor Bharu, Johor pula melaporkan bahawa terdapat peningkatan kes juvana antara tahun 2001 sehingga April 2004. Faktor penyumbang kepada masalah ini ialah

keciciran dalam pelajaran, tiada kawalan daripada ibu bapa terhadap pergaulan bebas dengan rakan sebaya, pengabaian keluarga dan kemiskinan keluarga (Mohd Taib Dora, 2004).

Jelas bahawa faktor ikatan dan kawalan daripada keluarga memainkan peranan penting ke arah peningkatan kes-kes delinkuensi juvana, selain daripada latar belakang sosio ekonomi keluarga, pengaruh rakan sebaya, kawasan perumahan dan pengaruh media massa. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengenalpasti sama ada ikatan dan kawalan ibu bapa yang lemah mengakibatkan anak-anak khususnya yang masih remaja terbabit dalam tingkah laku delinkuens.

### **Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- a. Mengkaji hubungan di antara ikatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
- b. Mengkaji hubungan di antara kawalan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
- c. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri-ciri demografi ibu bapa (pendapatan, pendidikan dan status perkahwinan) dengan tingkah laku delinkuens remaja

### **Hipotesis kajian**

Beberapa hipotesis telah dibentuk untuk diuji di dalam kajian ini iaitu:

1. Terdapat hubungan yang signifikan di antara ikatan ibu dengan tingkah laku delinkuens remaja
2. Terdapat hubungan yang signifikan di antara ikatan bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
3. Terdapat hubungan yang signifikan di antara kawalan ibu dengan tingkah laku delinkuens remaja
4. Terdapat hubungan yang signifikan di antara ikatan bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
5. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pendapatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
6. Terdapat hubungan yang signifikan di antara pendidikan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja
7. Terdapat hubungan yang signifikan di antara status perkahwinan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja

### **Ulasan karya**

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan terdapatnya hubungan di antara ikatan dan kawalan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens anak-anak. Hasil kajian Sutherland & Corssey (1984); Elliot & Ageson (1985) dan Barnes & Farrel (1992) mendapati bahawa remaja yang melakukan tingkah laku delinkuens merasakan bahawa ibu bapa mereka kurang memberikan kasih sayang, berbanding dengan remaja yang tidak melakukan tingkah laku delinkuens. Mereka juga menganggap bahawa hanya ibu yang lebih menyayangi mereka dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa mereka kekurangan kasih bapa.

Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi & Mastura Kamaruddin (1994) melakukan kajian ke atas tingkah laku tidak bermoral di kalangan remaja. Mereka membuat perbandingan di antara remaja yang mempunyai masalah moral dan dimasukkan ke institusi pemulihan dengan remaja yang tidak mempunyai masalah moral. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai masalah moral kekurangan kasih sayang dan pengawasan daripada ibu bapa, berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai masalah moral. Remaja yang tidak mempunyai masalah moral mempunyai skor min yang lebih tinggi bagi item komunikasi, kasih sayang dan pengawasan ibu bapa berbanding dengan remaja yang mempunyai masalah moral. Ini disokong oleh kajian Siti Nor Yaacob & Shamsanis Salleh (1997) iaitu ibu bapa remaja delinkuens kurang memberikan sokongan dan kawalan terhadap anak-anak mereka.

Hubungan yang bermasalah dengan ibu bapa juga didapati berkait dengan masalah dari segi kesihatan mental dan hubungan perorangan di luar persekitaran keluarga. Kurangnya kasih sayang dan penjagaan daripada ibu bapa menyebabkan pembentukan tingkah laku delinkuens remaja dan ini akan mengakibatkan masalah penyesuaian sosial apabila anak-anak semakin dewasa (Schmaling, 1984).

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Taib Dora (2004) ke atas 693 responden yang terdiri daripada keluarga yang bermasalah di negeri Johor melihat kepada punca berlakunya penderaan kanak-kanak dan jenayah juvana. Hasil kajiannya mendapati terdapat empat faktor penyumbang utama kepada kes juvana iaitu ekonomi, urbanisasi, pengangguran dan komunikasi. Kesemua faktor ini sebenarnya berhubung kait di antara satu sama lain. Proses urbanisasi menyebabkan ramai di kalangan wanita yang bekerja dan tugas-tugas ibu bapa dipindahkan kepada agen sosialisasi yang lain serta institusi sosial yang lain seperti sekolah, orang gaji, polis, pusat-pusat pemulihan dan sebagainya (Yaacob Harun, 1991; Fatimah Abdullah, 1994). Kos kehidupan yang meningkat menyebabkan ibu bapa semakin sibuk bekerja untuk menampung keperluan harian dan perbelanjaan keluarga. Kadangkala ibu bapa perlu bekerja lebih masa dan menyebabkan pemeliharaan dan pendidikan anak-anak terabai. Kajian Mohd Taib Dora juga menunjukkan bahawa akibat faktor kewangan (ekonomi) tadi maka pasangan akan sering berleter, bergaduh menggunakan kata-kata kesat, kurang kerjasama di kalangan ahli keluarga dan mangabaikan tanggung jawab rumahtangga. Kurangnya perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak serta kekosongan jiwa di kalangan anak-anak menyebabkan mereka mencari jalan keluar dan terlibat dalam pelbagai masalah sosial di luar rumahtangga.

Sementara kajian oleh Yayasan Strategik Sosial (Victor Nathan Joseph, 2004) pula mendapati bahawa pengaruh keluarga adalah pengaruh yang paling lemah dalam pembentukan tingkah laku delinkuens. Manakala faktor utama mengapa mereka terlibat dalam kes-kes juvana ialah pengaruh rakan sebaya, diri sendiri dan keluarga yang berpecah belah. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat konflik dalam keluarga responden. Sebanyak 12% responden mempunyai ibu bapa yang telah bercerai, 14.7% ibu bapa telah berkahwin semula, 21.3% sering bertengkar sesama lain semasa di rumah, dan 17.3% responden tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa.

Dari segi kawalan ibu bapa pula, Elliot & Ageson (1985) menyatakan bahawa kawalan sosial yang lemah mungkin disebabkan oleh kegagalan untuk menerapkan kawalan dalaman semasa kanak-kanak. Selain itu, keluarga yang tidak teratur menyebabkan kawalan sosial luaran yang lemah. Jelas bahawa keluarga adalah sumber kawalan dalaman dan luaran yang sangat penting. Bagaimanapun, ibu bapa yang terlalu mengawal atau memberikan kebebasan kepada anak-anak akan menghadapi masalah (Garett, 1986). Kesan persekitaran yang keras dan kasar ke atas perkembangan sahsiah kanak-kanak akan menyebabkan dua kemungkinan. Pertama, akan melahirkan kanak-kanak yang degil, kasar, suka melawan, tidak mengikut kata, keras hati dan suka mengganggu. Manakala kemungkinan kedua ialah akan melahirkan kanak-kanak yang pemalu, sensitif, rendah diri dan suka mengasingkan diri.

Kajian oleh Aeril (1983) mendapati bahawa ibu bapa yang terlalu mengawal atau mengamalkan corak asuhan *laissez-faire*, menyebabkan anak-anak akan melakukan apa sahaja, tidak bersopan santun dan kadangkala boleh meudaratkan diri sendiri. Ini disokong oleh kajian Woodard & Bahr (1984) yang mendapati bahawa anak-anak yang mencuri dan menagih dadah biasanya mempunyai perhubungan yang kurang mesra dengan ibu bapa dan corak kawalan ibu bapa adalah bebas. Teori kawalan oleh Hirschi (1969) menjelaskan bahawa manusia akan melakukan tingkah laku delinkuens dan jenayah kecuai jika ada kekangan peribadi dan sosial yang menghalang mereka. Tingkah laku delinkuens adalah berpunca daripada longgarnya atau terputusnya ikatan di antara individu dengan masyarakat. Beliau juga menjelaskan bahawa bukan semua remaja yang bergaul dengan rakan-rakan yang delinkuens akan turut bertingkah laku delinkuens. Ini kerana remaja yang rapat dengan ibu bapa dan mempunyai prestasi yang baik di sekolah, tidak mempunyai kemungkinan yang positif untuk menjadi delinkuens walaupun mereka bergaul dengan rakan-rakan yang delinkuens.

Kajian yang dilakukan oleh Peiser & Haven (1996) ke atas 177 pelajar sekolah menengah berumur di antara 15-16 tahun menunjukkan hubungan yang signifikan di antara kualiti hubungan kekeluargaan

dengan tingkah laku anak-anak. Corak disiplin ibu bapa yang lebih berbentuk hukuman mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuens remaja di sekolah. Manakala Mizell (1999) melakukan kajian terhadap 892 orang pelajar berumur di antara 14-18 tahun di sekitar Afrika. Beliau mendapati bahawa pencapaian dan perkembangan akademik yang baik di sekolah mempunyai perkaitan dengan bentuk kawalan institusi keluarga. Didikan dan kawalan dari ibu bapa dapat memastikan tingkah laku anak-anak yang baik di sekolah serta pencapaian akademik yang cemerlang.

## **Metodologi**

### *Populasi dan persampelan*

Kajian ini dijalankan di Pusat Khidmat Juvana, Alor Setar, Kedah. Pemilihan pusat ini adalah berdasarkan rekod terdapat kes akhlak dan juga kes di bawah percubaan akhlak yang melibatkan remaja. Seramai 150 remaja yang telah direkodkan di pusat berkenaan iaitu melibatkan pelajar-pelajar sekolah berusia di antara 13-18 tahun. Daripada jumlah tersebut 98 adalah remaja perempuan dan 52 orang remaja lelaki. Bagaimanapun, untuk kajian ini hanya 80 remaja sahaja dijadikan sampel kajian, berdasarkan kehadiran mereka ke pusat tersebut. Daripada jumlah tersebut, 35 adalah remaja lelaki (34.7%) dan 45 lagi adalah remaja perempuan (65.3%).

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan kaedah tinjauan dengan pengumpulan data melalui borang soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang hadir di pusat tersebut melalui temujanji yang dibuat sebelumnya.

### *Instrumen kajian*

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A adalah maklumat demografi responden seperti umur, bangsa, jantina, serta status perkahwinan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, dan pendidikan ibu bapa. Bahagian B ialah berkenaan ikatan dan kawalan ibu dan bahagian C ialah tentang ikatan dan kawalan bapa. Soalan dalam bahagian B dan C dibentuk dan diubahsuai daripada "*Family Environment Scale*" (FES) dan "*Family Control Scale*" (FCS) oleh Genius (1994). Manakala bahagian D ialah tentang tingkah laku delinkuens remaja yang berasaskan soal selidik "*Delinquent Behaviour*" oleh Matter (1984). Soalan-soalan dalam bahagian B dan C adalah dalam bentuk skala likert lima peringkat dengan julat dari sangat setuju hingga sangat tidak setuju. Manakala soalan-soalan dalam bahagian D adalah dalam bentuk skala likert lima peringkat dengan julat dari tidak pernah hingga sangat kerap.

### *Analisis data*

Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 10. Ujian statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan dalam kajian ini. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk melihat latar belakang demografi responden. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan di antara ikatan dan kawalan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja, serta perkaitan di antara faktor demografi dengan tingkah laku delinkuens. Dalam kajian ini, tahap kesignifikanan ialah pada aras 0.05.

## **Hasil kajian dan perbincangan**

### **Latar belakang demografi**

Hasil kajian menunjukkan bahawa 56.3% responden adalah perempuan, 58.8% berumur di antara 12-14 tahun dan 91.3% berbangsa Melayu. Majoriti (72.5%) tinggal bersama ibu bapa. Dari segi tahap pendidikan bapa, 38.3% berkelulusan STPM/HSC/Maktab, manakala 28.8% berkelulusan SRP/LCE (ibu). Jika dilihat dari segi pendapatan ibu bapa, boleh dikatakan majoriti adalah dari keluarga yang sederhana (lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Latar belakang responden**

<b>Demografi</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<i>Jantina</i>		
Lelaki	35	56.3
Perempuan	45	43.8
<i>Umur</i>		
12-14 tahun	47	58.8
15-17 tahun	31	38.8
18 tahun ke atas	2	2.5
<i>Bangsa</i>		
Melayu	73	91.3
Cina	6	7.5
India	1	1.3
<i>Tahap pendidikan bapa</i>		
SRP/LCE	10	12.5
SPM/MCE/SPVM	25	31.3
STPM/HSC/Maktab	29	36.3
Universiti	16	20.0
<i>Tahap pendidikan ibu</i>		
Sekolah rendah	4	5.0
Ting. 1-3	15	18.8
SRP/LCE	23	28.8
SPM/MCE/SPVM	14	17.5
STPM/HSC/Maktab	18	22.5
Universiti	6	7.5
<i>Tahap pendapatan bapa</i>		
RM1000 ke bawah	8	10.0
RM1001-RM2000	66	82.5
RM2001-RM3000	6	7.5
<i>Tahap pendapatan ibu</i>		
RM1000 ke bawah	42	52.2
RM1001-RM2000	36	45.0
RM2001-RM3000	2	2.5
<i>Status perkahwinan ibu bapa</i>		
Berkahwin dan tinggal bersama	58	72.5
Berkahwin dan tidak tinggal bersama	13	16.3
Sudah bercerai	9	11.3

**Ikatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens**

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan antara ikatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Keputusan ujian bagi melihat hubungan antara ikatan ibu dengan tingkah laku delinkuens menunjukkan perhubungan yang lemah dan signifikan. Ini menunjukkan bahawa semakin kuat ikatan ibu bapa seperti kasih sayang, memahami, mengambil berat tentang pelajaran di sekolah dan sentiasa berbincang dengan anak-anak, maka semakin kurang anak-anak akan melakukan tingkah laku delinkuens. Ikatan ibu bapa yang lemah menyebabkan anak-anak cenderung melakukan tingkah laku delinkuens seperti mencuri motosikal, merosakkan harta benda sekolah dan harta benda awam, menghisap ganja, menyertai kumpulan atau geng dan memecah masuk rumah.

**Jadual 2**  
**Hubungan antara ikatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Korelasi Pearson</b>	<b>Signifikan (2 hala)</b>
Ikatan ibu	80	-0.195	0.001
Ikatan bapa	80	-0.099	0.001

Hasil kajian ini adalah selari dengan penemuan kajian oleh Sutherland & Corssey (1984); Elliot & Ageson (1985) dan Barnes & Farrel (1992) yang mendapati remaja delinkuens mengangap mereka kekurangan kasih sayang dan perhatian terutamanya daripada bapa. Ini berbeza dengan remaja yang bukan delinkuens yang menyatakan mereka berpuas hati dengan kasih sayang, kemesraan dan perhatian daripada ibu bapa mereka. Kajian ini juga menyokong hasil kajian Schmaling (1984); Loeber & Stouthamer-Lober (1986); Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi & Mastura Kamaruddin (1994) dan Mohd Taib Dora (2004) yang mendapati bahawa kurangnya kasih sayang dan penjagaan daripada ibu bapa menyebabkan pembentukan tingkah laku tidak bermoral dan tingkah laku delinkuens remaja.

**Kawalan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens**

Hasil keputusan ujian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kawalan ibu dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna semakin kuat kawalan ibu maka semakin berpotensi anak-anak melakukan tingkah laku delinkuens. Manakala terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara kawalan bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna semakin kuat kawalan bapa, maka semakin kurang anak-anak akan melakukan tingkah laku delinkuens.

**Jadual 3**  
**Hubungan antara kawalan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Korelasi Pearson</b>	<b>Signifikan (2 hala)</b>
Kawalan ibu	80	0.258	0.001
Kawalan bapa	80	-0.099	0.001

Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin lemah kawalan bapa, maka semakin meningkat kecenderungan untuk melakukan tingkah laku delinkuens. Misalnya bapa jarang memarahi mereka apabila melakukan kesalahan, membiarkan mereka membuat keputusan sendiri dan membiarkan mereka melakukan apa yang mereka suka. Ini bertepatan dengan hasil kajian Woodard & Bahr (1984) dan Elliot & Ageson (1985) dan Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi & Mastura Kamaruddin (1994) iaitu kawalan sosial sama ada dalaman ataupun luaran adalah sama penting. Ibu bapa perlu ada kawalan sosial terhadap anak-anak, jika tidak mereka akan mudah terjerumus ke dalam pelbagai masalah sosial umpamanya delinkuensi juvana. Ibu bapa perlu tahu siapa rakan-rakan anak mereka, ke mana mereka pergi dan apa yang mereka lakukan.

Walau bagaimanapun, ibu bapa yang terlalu mengawal kepada anak-anak juga boleh menyebabkan anak bertingkah laku delinkuens. Kajian ini menunjukkan bahawa ibu yang terlalu mengongkong menyebabkan anak-anak melakukan tingkah laku delinkuens. Ini selari dengan hasil kajian oleh Aerial (1983) dan Garrett (1986). Begitu juga dengan hasil kajian oleh Peiser & Haven (1996) yang mendapati bahawa ibu bapa yang terlalu mengawal iaitu dengan cara terlalu menghukum anak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuens remaja di sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa remaja akan ponteng sekolah atau ponteng kelas, tidak suka mendengar nasihat guru, menyertai kumpulan atau geng dan sengaja merosakkan harta benda sekolah seperti kerusi, meja dan menconteng dinding.

## Ciri-ciri demografi ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens

Ciri-ciri demografi yang diukur dalam kajian ini ialah pendapatan, pendidikan dan status perkahwinan ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens ( $p < 0.05$ ). Semakin tinggi tingkat pendapatan ibu bapa maka semakin kurang anak-anak terlibat dalam tingkah laku delinkuens. Begitu juga dengan pendidikan dan status perkahwinan ibu bapa yang menunjukkan perhubungan yang signifikan. Semakin tinggi pendidikan ibu bapa maka semakin rendah berlakunya tingkah laku delinkuens. Manakala ibu bapa yang berkahwin dan tidak tinggal bersama serta bercerai menyebabkan anak-anak lebih cenderung untuk melakukan tingkah laku delinkuens.

**Jadual 4**  
**Hubungan antara pendapatan, pendidikan dan status perkahwinan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuens**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Korelasi Pearson</b>	<b>Signifikan (2 hala)</b>
Pendapatan bapa	80	-0.266	0.001
Pendapatan ibu	80	-0.125	0.001
Pendidikan bapa	80	-0.400	0.001
Pendidikan ibu	80	-0.351	0.001
Status perkahwinan ibu bapa	80	-0.097	0.001

Hasil kajian ini menyokong penemuan kajian oleh Mohd Taib Dora (2004) yang mendapati bahawa faktor ekonomi (pendapatan) adalah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kes juvana. Status perkahwinan ibu bapa juga turut menyebabkan perlakuan delinkuens remaja. Ini selari dengan hasil kajian Yayasan Strategik Sosial (2004) yang mendapati bahawa keluarga yang berpecah belah dan bercerai adalah antara faktor yang menyebabkan tingkah laku delinkuens remaja. Pendidikan ibu bapa turut mempengaruhi perlakuan delinkuens remaja. Dapatan kajian ini adalah sama dengan hasil kajian oleh Yayasan Strategik Sosial yang mendapati bahawa perlakuan juvana di kalangan remaja India di Malaysia turut dipengaruhi oleh taraf pendidikan akademik ibu bapa yang rendah (Victor Joseph Nathan, 2004).

## Cadangan

Berdasarkan hasil kajian ini, maka beberapa cadangan dikemukakan ke arah melahirkan kualiti hubungan agar ibu bapa dapat mengeratkan ikatan dengan anak-anak dan dalam masa yang sama mengawal perlakuan anak-anak daripada terlibat dengan perlakuan delinkuens.

### 1. Peranan ibu bapa

Didapati bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan psikososial dan sahsiah anak-anak. Suasana rumahtangga yang bercirikan kasih sayang, kemesraan dan penglibatan ibu bapa dengan anak-anak adalah faktor penghalang remaja daripada terdorong ke arah perlakuan delinkuens. Oleh itu ibu bapa seharusnya mengeratkan lagi hubungan dengan anak-anak, mencurahkan kasih sayang dan mengambil berat tentang hal anak-anak. Anak-anak yang kurang diberi perhatian, layanan dan kasih sayang akan terdorong untuk melakukan sesuatu yang negatif. Begitu juga jika ibu bapa terlalu berlembut atau membiarkan anak-anak memilih jalan hidup sendiri tanpa kawalan, maka mereka merasa bebas untuk melakukan apa sahaja. Sementara ibu bapa yang terlalu mengongkong pula membataskan pergerakan dan keinginan anak-anak. Ini akan menyebabkan mereka memberontak dan bertindak melanggar arahan ibu bapa. Ibu bapa perlu mengawasi perlakuan anak-anak dan dalam masa yang sama tidak terlalu mengawal bahkan memberi mereka sedikit ruang untuk membuat keputusan tentang apa yang perlu mereka lakukan tanpa melanggar batas nilai, norma dan agama.



## 2. Peranan masyarakat

Jika terdapat sesuatu masalah sosial yang menimpa anak-anak, maka tidak sepatutnya beban kesalahan diletakkan ke atas ibu bapa sahaja. Seperti yang dinyatakan oleh Hirschi (1969) dalam teori kawalannya, tingkah laku delinkuens adalah berpunca daripada longgarnya atau terputusnya ikatan di antara individu dengan masyarakat. Jadi, masyarakat harus sama-sama berganding bahu menangani masalah ini. Selain sikap tegur menegur terhadap salah laku yang dilakukan oleh remaja, penubuhan sebuah pusat jagaan atau *drop in centre* di setiap pusat membeli belah atau di tempat yang menjadi tumpuan remaja adalah baik untuk mengatasi masalah sosial di kalangan remaja. Pusat tersebut boleh menyediakan misalnya ruang untuk membaca, menonton televisyen, bermain karom, memberi khidmat kaunseling, sudut kerjaya dan peluang pendidikan bagi menarik minat remaja. Dengan cara ini, mereka dapat menghindarkan diri daripada melakukan kegiatan yang tidak sihat dan dapat mengisi masa lapang dengan sebaik-baiknya.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Nilai yang baik seperti menghormati dan menyayangi ibu bapa, kemesraan dan kasih sayang di antara satu sama lain serta mematuhi arahan dan nasihat ibu bapa adalah amalan yang sepatutnya ditanam ke dalam diri anak-anak sejak dari kecil. Kawalan ibu bapa yang begitu ketat atau terlalu longgar juga boleh menyebabkan anak terjerumus ke arah perlakuan negatif. Taraf pendapatan, pendidikan dan status perkahwinan ibu bapa turut menjadi punca mengapa kebanyakan remaja bertingkah laku delinkuens. Ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah akan mempunyai taraf pekerjaan dan pendapatan yang rendah. Oleh itu mereka mungkin sibuk mencari wang untuk menampung keperluan harian dan perbelanjaan lain. Kesibukan ibu bapa mungkin menyebabkan mereka tidak dapat memenuhi keinginan anak-anak untuk bersama, bermesra dan berbincang tentang segala perkara. Keadaan ini mengakibatkan anak-anak memilih jalan mudah untuk menghilangkan kerunsingan dan kebosanan yang seterusnya menyebabkan mereka terperangkap dalam masalah yang lebih parah. Justeru, ibu bapa harus mempunyai kesedaran untuk menjalankan tanggung jawab mereka dengan sebaik-baiknya dan memberi keutamaan kepada perkembangan diri anak-anak. Namun, tugas ini bukanlah satu tugas yang mudah. Tanpa sokongan sosial daripada masyarakat maka ia tidak mungkin akan dapat dilaksanakan. Masyarakat juga secara umumnya harus menanam nilai yang baik seperti menyayangi diri sendiri dan orang lain serta menjaga harta dan hak orang lain kepada anak-anak remaja.

## Rujukan

- Aeril, D.T. 1983. Family and friends as a social environment and their relationship to young adolescents use of alcohol, tobacco and marijuana. *Journal of Marriage and the Family*. 49: 151-164.
- Barnes, G. & Farrel, M.P. 1992. Parential support & control as predictors of adolescent drinking, delinquency and related problem behavior. *Journal of Marriage and the Family*. 54: 763-766.
- Elliot, C.D. & Ageton, W. 1985. Models of parenting : Implications for adolescent well-being within different types of family context. *Journal of Adolescence*. 18: 253-270.
- Garett, M. 1986. social class and delinquency: prediction and outcomes of police juvenile encounters?. *Journal of Social Problem*. 22: 368-383.
- Genius, M. 1994. *The role of childhood attachment in developmental psychopathology: A latent variable path analysis*. Canada: British Columbia.
- Hirschi, T. 1969. *Causes of delinquency*. California: University of California Press.
- Fatimah Abdullah. 1994. Urbanisasi dan kekeluargaan:satu kajian kes kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur. Tesis PhD. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Universiti Malaya.
- Khadijah Haidi Khalid. 1999. *Meneroka alam remaja*. Kuala Lumpur:Nurin Enterprise.
- Loeber, R. & Stouthamer-Loeber, M. 1986. Family factors as correlates and predictors of juvenile conduct problems and delinquency. *Journal of Crime and Justice: An annual review of research*. 7: 29-49.

- Mac Iver, R.M. 1967. *The prevention and control of delinquency*. New York:Alherton Press.
- Massa. 2000. Serius tangani masalah remaja. 18 November. 27-33.
- Matter, D.C. 1984. *Delinquent behaviour*. New Jersey:Prentice-Hall.
- Mizell, C.A. 1999. The consequence of the adolescence environment self-concept and adult achievement. *Journal of Black Psychology*. Vol.25.
- Mohd Taib Dora. 2004. Isu dan faktor penderaan kanak-kanak dan juvana di negeri Johor Darul Takzim. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang. 21-22 Julai.
- Muhamadul Bakir Yaakub. 2004. Peranan keibubapaan dalam menangani permasalahan sosial semasa dari perspektif Islam. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang. 21-22 Julai.
- New Straits Times*. 1999. Editorial voice: Guidance for the misguide. 18 Julai.
- Sayed A.Rahman Sayed Mohd, 1996. Masalah sosial di kalangan remaja dan tindakan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 19. No.2.
- Schmaling, D. 1984. Attachment beyond infancy. *Journal of American Psychologist*. 709-716.
- Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi & Mastura Kamaruddin. (1994). Faktor-faktor keluarga dan tingkah laku tidak bermoral di kalangan remaja. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*. 9: 125-141.
- Siti Nor Yaacob & Shamsanis Salleh. (1997). Faktor keluarga, konsep sendiri dan tingkah laku delinkuen remaja. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*. 10. 180-195.
- Sutherland, T. & Corssey, F. 1984. Parental characteristics in relations to depressive disorders. *British Journal of Psychiatry*. 134: 138-147.
- Victor Joseph Nathan. 2004. Kajian juvana India. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang. 21-22 Julai.
- Woodard, T. & Bahr, E. 1984. Socioeconomic status and reported delinquent behaviour. *Journal of Social Problems*. 13: 2, 314-324.
- Yaacob Harun. 1991. *Keluarga Melayu Bandar*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa & Pustaka.